

**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
RABU 1 MEI 2019**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5. 6. 7. 8.	PEJABAT PUSAT PENYELIDIKAN MARDI TERBAKAR, NEWS, SELANGORKU -6 PEJABAT PUSAT PENYELIDIKAN MARDI TERBAKAR, NEWS, BERNAMA -4 PEJABAT PUSAT PENYELIDIKAN MARDI TERBAKAR, NEWS, SIAKAP KELI -10 PEJABAT PUSAT PENYELIDIKAN MARDI TERBAKAR, NEWS, MALAYSIA SHAFQAQA -5 PEJABAT PUSAT PENYELIDIKAN MARDI TERBAKAR, NEWS, ASTRO AWANI -7 PEJABAT PUSAT PENYELIDIKAN MARDI TERBAKAR, NEWS, THE NUSANTARA DAILY -10 BLAZE AT MARDI, NATION, CHINA PRESS -A20 TERAP ELEMEN PERTANIAN MODEN, MINDA PENGARANG, BH -10	INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
9. 10. 11.	FAMA SASAR NILAI JUALAN HARUMANIS RM40 JUTA, SETEMPAT, HM -36 FAMA SASAR JUALAN HARUMANIS CAPAI RM50 JUTA, NEGARA, KOSMO -16 BUKA PUASA DENGAN HARUMANIS, SENTRAL, SH -22	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
12.	JUAL PADI TIDAK SAH, NEWS, SH (UTARA) -34	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
13. 14.	PADI HANTU: PPK TERLIBAT BAKAL DIKENAKAN TINDAKAN, DALAM NEGERI, UM -4 PPK TERBABIT BEKAL BENIH 'PADI HANTU' AKAN DISIASAT, ISU, BH -15	LEMBAGA PERTUBUHAN PELDANG (LPP)
15. 16. 17. 18. 19.	NELAYAN MINTA KERAJAAN TANGANI ISU KESELAMATAN, PRK, BH -16 BIG DURIAN HARVEST EXPECTED IN BALIK PULAU BY END OF THE MONTH, NATION, THE STAR -6 SEINDAH NAMANYA, MEGA SAINS, UM -23 BERHARGANYA BELIMBING BINTANG MAS, MEGA AGRO, UM -24 DIDIK PENGGUNA, PETANI MINAT BELIMBING, MEGA AGRO -UM -25	LAIN - LAIN

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Headline	Pejabat pusat penyelidikan MARDI terbakar		
MediaTitle	Selangorku (www.selangorku.com)		
Date	01 May 2019	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	3
Order Rank	6	Readership	5
Language	Malay	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,050
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,150

## Pejabat pusat penyelidikan MARDI terbakar

KUALA LUMPUR, 1 MEI: Pejabat Pusat Penyelidikan Padi dan Beras, Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) di Seri Kembangan, Serdang terbakar lewat petang semalam. Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Selangor, Norazam Khamis berkata...

*To read the rest of the article, click **View Full Article***

Headline	Pejabat Pusat Penyelidikan MARDI terbakar		
MediaTitle	Bernama(www.bernama.com)		
Date	01 May 2019	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	2
Order Rank	4	Readership	7
Language	English	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	RM 900
Frequency	Daily	PR Value	RM 2,700

## Pejabat Pusat Penyelidikan MARDI terbakar

KUALA LUMPUR, 30 April (Bernama) -- Pejabat Pusat Penyelidikan Padi dan Beras, Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) di Seri Kembangan, Serdang terbakar lewat petang tadi. Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Selangor, Norazam Kh...

To read the rest of the article, click [View Full Article](#)

Headline	Pejabat Pusat Penyelidikan Mardi Terbakar		
MediaTitle	Siakap Keli (siakapke.li.my)		
Date	01 May 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	3
Order Rank	10	Readership	1
Language	Malay	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	RM 450
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,350

## Pejabat Pusat Penyelidikan Mardi Terbakar

Kuala Lumpur: Pejabat Pusat Penyelidikan Padi dan Beras, Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) di Seri Kembangan, Serdang terbakar lewat petang tadi. Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Selangor, Norazam Khamis berkata, pihaknya...

To read the rest of the article, click [View Full Article](#)

Headline	Pejabat Pusat Penyelidikan MARDI terbakar		
MediaTitle	Malaysia Shafaqna (malaysia.shafaqna.com)		
Date	01 May 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	3
Order Rank	5	Readership	5
Language	English	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,200
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,600

## Pejabat Pusat Penyelidikan MARDI terbakar

KUALA LUMPUR: Pejabat Pusat Penyelidikan Padi dan Beras, Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) di Seri Kembangan, Serdang terbakar lewat petang tadi.  
Baca tapak asal

*To read the rest of the article, click **View Full Article***

Headline	Pejabat Pusat Penyelidikan MARDI terbakar		
MediaTitle	Astro Awani (www.astroawani.com)		
Date	01 May 2019	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	2
Order Rank	7	Readership	4
Language	English	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	RM 600
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,800

## Pejabat Pusat Penyelidikan MARDI terbakar

KUALA LUMPUR : Pejabat Pusat Penyelidikan Padi dan Beras, Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) di Seri Kembangan, Serdang terbakar lewat petang Selasa. Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Selangor, Norazam Khamis berkata, pihak...

To read the rest of the article, click [View Full Article](#)

Headline	Pejabat Pusat Penyelidikan MARDI terbakar		
MediaTitle	The Nusantara Daily (http://thenusantaradaily.com)		
Date	01 May 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	3
Order Rank	10	Readership	1
Language	Malay	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	RM 450
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,350

## Pejabat Pusat Penyelidikan MARDI terbakar

Anggota bomba berjaya mengawal kebakaran daripada merebak ke bahagian makmal penyelidikan yang mengandungi pelbagai bahan kimia. – Foto Bernama  
KUALA LUMPUR,. Pejabat Pusat Penyelidikan Padi dan Beras, Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysi...

*To read the rest of the article, click **View Full Article***

Headline	Blaze at Mardi		
MediaTitle	China Press		
Date	01 May 2019	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	127,822
Page No	A20	Readership	383,466
Language	Chinese	ArticleSize	584 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 11,520
Frequency	Daily	PR Value	RM 34,560



■ 马来西亚农业发展研究院突起火燃烧。



■ 消防员利用云梯进入火场。

## 農業發展研究院火患 沒殃及實驗室無傷亡

（沙登30日讯）马来西亚农业发展研究院（MARDI）突起火燃烧，熊熊烈火随即蔓延，幸没有殃及毗邻的实验室，才没有酿发更大的伤害。

起火单位是马来西亚农业发展研究院的稻田和米研究中心（Pusat Penyelidikan Padi dan Beras）的办公室，受召到场的消防员展开灭火行动，阻止火势蔓延。

现场不断冒出滚滚浓烟，场面骇人。

火灾於今年约6时50分左右，在沙登马来西亚农业发展研究院内发

生。

雪州消防局发言人说，当局接获投报後，立即从沙登、赛城、万宜和加影消防局调派人手到场扑火，成功扑灭火势；没有人在事件中受伤。

### 僅辦公室遭殃

他说，起火的稻田和米研究中心的二楼分别有办公室和实验室，仅是办公室部门发生火灾，没有殃及毗邻存放化学物的实验室，因此没有酿发更大的伤亡。



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
1/5/2019	BERITA HARIAN	MINDA PENGARANG	10

## Terap elemen pertanian moden

Ketika negara menghampiri era Revolusi Perindustrian 4.0 (IR 4.0), istilah dron dan sensor bukan lagi asing termasuk dalam sektor pertanian. Maka hasrat kerajaan memperkenalkan semula subjek Sains Pertanian amat tepat, kerana kelangsungan sektor itu menentukan survival penduduk dan negara.

Persoalannya sejauh mana survival sektor pertanian negara pada era moden. Di wilayah Fujian, China contohnya, teknologi 'pertanian pintar' yang diperbaharui diperkenal. Melalui 5,000 meter persegi kawasan penanaman, sayuran sehingga 10 tan dijana sehari. Menariknya ia diurus empat kakitangan. Ini contoh pertanian moden diperlukan, bukan lagi petani yang membanting tulang dua kali sehari di sawah, tetapi hasilnya masih minimum.

Jadi melalui subjek Sains Pertanian, wajib dipastikan elemen pertanian moden diberi keutamaan. Pendedahan praktikal harus diperbanyak, interaksi dengan petani moden berjaya tidak boleh diketepikan agar generasi kita sedar potensi besar bidang pertanian.

Di negara kita banyak teknik penanaman moden diperkenal, termasuk bagi yang memiliki kekangan tapak untuk bertani. Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) menemukan teknik kilang tanaman tanah, yang berkonsepkan pertanian moden.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
1/5/2019	HARIAN METRO	SETEMPAT	36

## FAMA sasar nilai jualan harumanis RM40 juta

Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) menyasarkan nilai jualan memelam harumanis RM40 juta tahun ini membabitkan pengeluaran hasil 2,300 metrik tan di negeri Perlis.

Ketua Pengarah FAMA Datuk Ahmad Ishak berkata, walaupun musim penuaian buah berkenaan jatuh pada April hingga Jun ketika umat Islam menyambut Ramadan, ia tidak menjadi masalah kerana harumanis sentiasa mendapat sambutan.

Beliau berkata, FAMA mengadakan promosi jualan harumanis di 109 out-

let pemasarannya di seluruh negara bagi memberi peluang kepada penggemar buah itu menikmati keenakannya.

“Selain pasaran tempatan, kami mengeksport harumanis ke Singapura kerana mendapat permintaan tinggi dalam kalangan penduduk di sana.

“FAMA juga berusaha memasarkan harumanis ke Jepun berdasarkan sambutan baik penduduk negara itu. Insya-Allah, kita bantu pengusaha harumanis supaya mereka dapat eksport buah ini,” katanya.

Beliau berkata demikian

pada sidang media selepas majlis pelancaran Karnival Mangga Harumanis Perlis 2019 di Busana MARA, di sini, semalam.

Majlis pelancaran di- sempurnakan Raja Muda Perlis Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail. Turut berangkat, Raja Puan Muda Perlis Tuanku Lailatul Shahreen Akashah Khalil.

Ishak berkata, FAMA menjalinkan kerjasama dengan kerajaan Perlis untuk memperkasakan lagi pembangunan sektor ekonomi negeri berkenaan menerusi produk ikonik harumanis.



# FAMA sasar jualan harummanis capai RM50 juta



TUANKU SYED FAIZUDDIN PUTRA JAMALULLAIL (tengah) dan Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil (dua dari kanan) melawat tapak jualan mempelam harummanis di Menara MARA, Kuala Lumpur semalam.

**K**UALA LUMPUR - Meningkatkan jumlah penghasilan mempelam harummanis sebanyak 2.8 juta kilogram dijangka dapat mengutip jualan mencecah RM50 juta pada tahun ini.

Ketua Pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Datuk Ahmad Ishak berkata, sasaran itu dapat dicapai berikutan permintaan yang semakin meningkat.

"Mempelam premium dari Perlis ini tetap mendapat permintaan yang banyak walaupun musim berbuah tahun ini bermula pada bulan Mei depan yang jatuh pada

bulan Ramadan.

"Berdasarkan pengiraan hasil buah itu juga, kami jangka musim harummanis akan berlaku setiap bulan Ramadan dan berlanjutan sehingga tiga tahun ke hadapan," katanya ketika ditemui pemberita selepas merasmikan Karnival Mangga Harummanis Perlis di Busana @ Menara Mara di sini semalam.

Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail bersama Raja Puan Muda Perlis, Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil turut berkenan mencemerdui meluangkan masa melawat karnival tersebut.

Sementara itu Ahmad berkata, FAMA turut mewujudkan lebih banyak cawangan pemasaran serta kempen promosi yang berterusan bagi mengelakkan lebihan mempelam harummanis.

"Karnival seperti ini akan dilaksanakan supaya kita berpeluang mempromosikan keumikan serta kebaikan buah-buahan tempatan kepada pengunjung tempatan mahupun antarabangsa.

"Secara tidak langsung ia turut memberi galakkan kepada hasil perjualan buah-buahan tempatan terutamanya mempelam harummanis yang menjadi kebanggaan negeri Perlis," ujarnya.

# Buka puasa dengan harumanis

**FAMA sedang mempelbagaikan pemasaran buah berkenaan**

MEGAT MUAZZAM  
ABDUL RAZAK

KUALA LUMPUR

**D**alam usaha melonjak pasaran tempatan buah mangga harumanis, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) sedang mempelbagaikan pemasaran buah berkenaan termasuk menjadikan mangga harumanis sebagai salah satu trend pilihan juadah berbuka puasa.

Ketua Pengarah FAMA, Datuk Ahmad Is-hak berkata, antara langkah

diambil agensi berkenaan ialah menyediakan pelbagai program seperti mengadakan karnival, pengiklanan dalam media masa, kempen untuk orang ramai mempromosikan harumanis dan penghantaran ke seluruh negara melalui aplikasi *Agro Bazaar Online*.

"Selain itu, kita akan banyakkai kedai untuk pengguna mendapatkan bekalan bagi tujuan untuk mereka berbuka puasa dan kita juga akan mengadakan kempen supaya menjadikan harumanis sebagai salah satu juadah berbuka puasa.

"Biasanya ia berlaku pada bulan empat hingga bulan enam; jadi insya-ALLAH dua, tiga tahun akan datang masih lagi dapat mengekalkan harumanis pada bulan Ramadan," katanya pada sidang media sempena pelancaran Karnival Mangga Harumanis Perlis 2019 di Busana @ Menara Mara, Kuala Lumpur semalam.



TuanKu Syed Faizuddin (kiri) bersama TuanKu Lailatul Shahreen (tengah) dan Ahmad (depan, kanan) melawat gerai jualan sempena Karnival Mangga Harumanis Perlis 2019 di Kuala Lumpur semalam.

Perasmian karnival disempurnakan Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail dan isteri, Raja Puan Muda Perlis, Tuanku Lailatul Shahreen Akashah Khalil.

Karnival bermula semalam hingga 3 Mei depan dari jam 10 pagi hingga 7

petang diadakan di Busana @ Mara, Kuala Lumpur.

Dalam pada itu, FAMA turut memberi tumpuan mempertingkatkan pemasaran mangga harumanis kepada orang bukan Melayu.

"Kita dalam usaha hendak menambahkan lagi pengetahuan tentang keis-

timewaan harumanis ini kepada orang bukan Melayu iaitu Cina supaya mereka dapat tahu bahawa kita mempunyai mangga istimewa," katanya.

Ahmad berkata, harga pasaran bagi mangga harumanis itu juga masih mengekalkan harga yang

info

Sertai Karnival Mangga Harumanis Perlis di Busana @ Menara Mara Kuala Lumpur

sama pada tahun sebelumnya.

"Harga pada masa ini nampak sama, biasa harga akan berubah sedikit demi sedikit apabila bekalan bertambah atau wujud permintaan dalam bulan puasa.

"Mangga harumanis dijual RM35 untuk satu kilogram dan tiga kilogram RM100. Jadi kalau beli tiga kilogram jimatlah RM5," katanya.

Menurutnya, kualiti mangga harumanis juga kini semakin meningkat kerana pengamalan petani pada aspek penjagaan buah, pembajaan, pembersihan kebun dan sebagainya.

Headline	Jual padi tidak sah	Color	Full Color
MediaTitle	Sinar Harian (Utara)	Circulation	40,000
Date	01 May 2019	Readership	120,000
Section	NEWS	ArticleSize	397 cm <sup>2</sup>
Page No	34	AdValue	RM 4,278
Language	Malay	PR Value	RM 12,833
Journalist	ROSHILA MURNI ROSLI		
Frequency	Daily		



# Jual padi tidak sah

**Pesawah kerugian kerana benih padi hantu tidak bermutu dan berpenyakit**

ROSHILA MURNI ROSLI

ALOR SETAR

**K**esukaran mendapatkan benih padi sah di pasaran menyebabkan ada pihak yang mengambil kesempatan menipu pesawah bagi mengaut keuntungan melalui penjualan benih padi tidak sah atau lebih dikenali padi hantu.

Pengurus Badan Bertindak Petani Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Che Ani Mat Zain berkata, situasi berkenaan menyebabkan pesawah mengalami kerugian kerana benih padi berkenaan tidak bermutu dan berpenyakit.

Katanya, selain itu pesawah juga dibebani dengan harga benih padi yang mahal walaupun kerajaan memperuntukkan subsidi bagi tujuan berkenaan.

"Contohnya, dua tahun lalu kerajaan menyediakan peruntukan tambahan RM25 juta bagi membiayai Program Insentif Benih Padi Sah bertujuan mengurangkan harga benih tersebut.

"Tetapi, pesawah masih terpaksa membeli benih padi dengan harga yang agak tinggi iaitu antara RM48 ke RM53 bagi setiap kampakit 20 kilogram.

"Persoalannya siapa yang dapat subsidi itu. Jadi, tidak hairan jika pesawah terpaksa menggunakan benih padi tidak sah yang mana harganya jauh lebih murah," katanya melalui satu kenyataan di sini, semalam.

Menurutnya, nasib pesawah kini sama sekali berbeza dari zaman 80-an apabila Jabatan Pertanian, MADA dan Institut Kemajuan dan Penyelidikan Pertanian (MARDI) berperanan dengan baik



CHE ANI

dalam penyediaan benih padi berkualiti pada harga yang berpatutan.

"Malah ketika itu, agensi-agensi ini menggunakan sistem tanam untuk membekalkan benih padi yang mana hasilnya lebih bermutu tinggi dan percambahan juga mencecah sehingga 98 peratus," katanya.

Tambahnya, bagi membela nasib pesawah pihak berkaitan termasuk MADA perlu menyedi-

## info

- Pesawah dibebani dengan harga benih padi yang mahal
- Pesawah terpaksa ulang proses menabur benih padi sehingga tiga kali akibat penggunaan benih padi hantu

akan benih padi berkualiti dan mencukupi untuk keperluan pesawah bagi mengatasi masalah penggunaan padi hantu di negara ini.

"Saya akui penggunaan benih berpenyakit di kawasan MADA agak serius, malah disebabkan itu ada pesawah yang terpaksa ulang proses menabur benih padi sehingga tiga kali.

"Ini secara tidak langsung menyebabkan permintaan benih padi semakin meningkat," katanya.

Che Ani berkata, beliau berharap kerajaan menyalurkan peruntukan kepada agensi terlibat

untuk membangunkan tapak benih padi sendiri tanpa menghapirkan daripada pembekal swasta semata-mata.

"Malah, apa yang lebih penting dalam isu ini, kerajaan perlu mewujudkan garis panduan atau undang-undang ketat kepada mana-mana pihak atau syarikat yang ingin menyediakan benih padi kepada pesawah bagi mengelak pihak tidak bertanggungjawab mengambil kesempatan.

"Pihak MADA juga perlu memperbaiki peranan pegawai-pegawai mereka supaya dapat membantu pesawah daripada menjadi mangsa penipuan ejen, broker atau orang tengah dalam isu ini," katanya.

Baru-baru ini, sebuah media tempatan melaporkan isu pembekalan benih padi tidak sah kepada pesawah yang menjadi lebih kronik apabila didapati wujud 'orang tengah' yang mengaut keuntungan besar dengan membekalkan benih berpenyakit berkenaan.



# Padi hantu: PPK terlibat bakal dikenakan tindakan

Oleh **MOHAMAD HAFIZ YUSOFF BAKRI**

pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 30 APRIL

**P**ERTUBUHAN Peladang Kawasan (PPK) atau mana-mana pihak yang didapati terlibat membekalkan benih 'padi hantu' akan disiasat dan dikenakan tindakan tegas.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub berkata, pihaknya kini menunggu laporan susulan sebelum bertindak berdasarkan aduan yang dibuat.

"Siasatan akan dijalankan oleh pasukan petugas khas dengan diketuai Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian (Pembangunan), Datuk Salim Parlan yang ditugaskan sebelum ini untuk memantau sembilan syarikat membekalkan benih padi.

"Kita akan menyiasat dan bertindak jika ada aduan. Isu Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) pun ada yang disiasat di bawah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan pihak kementerian sendiri tidak teragak-agak untuk ambil tindakan," katanya ketika ditemui dalam Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan Sanjungan Budi 2018 di sini hari ini.

Yang turut hadir Ketua Setiausaha Kementerian, Datuk Mohd. Sallehuddin Hassan.

**KERATAN  
Mingguan  
Malaysia 28  
April 2019.**



Nafas hari ini mengesakan kementerian itu menyiasat segera pekilang-pakilang swasta atau 'orang tengah' yang membekalkan benih 'padi hantu' kepada para pesawah selain membuat siasatan terhadap PPK negeri-negeri.

Dalam pada itu, Salahuddin berkata, Sandakan dan Semporna di Sabah akan menjadi hab bagi meningkatkan industri rumpai laut.

"Ia terbukti dapat memberi satu sumbangan kepada beberapa industri dan pendapatan lumayan kepada pengusaha termasuk dengan kemampuan menggantikan plastik.

"Malah, pembuatan ais krim berasaskan rumpai laut juga boleh diketengahkan. Sekarang ada 15 usahawan dan kita menjangkakan 50 usahawan mampu dilahirkan sehingga hujung tahun nanti," ujarnya.



**SALAHUDDIN AYUB** (kiri) menyampaikan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang kepada **Muhammad Khusairi Abu Bakar** (berkerusi roda) dalam Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2018 dan Sanjungan Budi 2019 di Serdang, semalam. Turut kelihatan, Mohd. Sallehuddin Hassan (dua dari kiri) -BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
1/5/2019	BERITA HARIAN	ISU	15

# PPK terbabit bekal benih 'padi hantu' akan disiasat

➔ Pasukan petugas khas Kementerian siasat dakwaan NAFAS

Oleh Amin Ridzuan Ishak  
aminridzuan@bh.com.my

► Kuala Lumpur

**P**ertubuhan Peladang Kawasan (PPK) yang didakwa terbabit dalam kegiatan membekalkan benih 'padi hantu' seperti didedahkan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) akan disiasat.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub, berkata siasatan akan dilakukan pasukan petugas khas diketuai Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) kementeriannya, Datuk Salim Parlan

yang sebelum ini ditubuhkan bagi menyasat sembilan syarikat pembekal padi negara.

"Kita akan siasat kalau mereka (PPK) terbabit, isu NAFAS ini sedang disiasat dan ada kes diselesaikan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)," katanya pada sidang media selepas Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2018 dan Majlis Sanjung Budi 2019 Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani di sini, semalam.

Yang turut hadir, Ketua Setiausaha kementerian, Datuk Mohd Sallehuddin Hassan.

Beliau mengulas gesaan Pengerusi NAFAS, Datuk Ir Phahrolrazi Mohd Zawawi supaya kementerian itu menyasat pekilang swasta atau orang tengah yang membekalkan benih padi hantu kepada pesawah selain membuat siasatan terhadap PPK di negeri.

Beliau dipetik berkata, pihaknya mendapati benih padi sering dilaporkan kehabisan stok di PPK yang mana ia tidak se-



**Kita akan siasat kalau mereka (PPK) terbabit, isu NAFAS ini sedang disiasat dan ada kes diselesaikan SPRM"**

*Salahuddin Ayub,  
Menteri Pertanian  
dan Industri Asas Tani*

patutnya berlaku.

## Dasar Agro Makanan 2.0

Dalam pada itu, Salahuddin berkata, Dasar Agro Makanan 2.0 yang bakal dilancarkan tahun depan antara lain akan memfokuskan untuk mengeluarkan pesawah, petani dan nelayan keluar daripada garis kemiskinan.

"Ia akan menjadi indikator penting dalam dasar bakal dilancarkan itu selain daripada meningkatkan bekalan makanan untuk masa depan," katanya.

Mengulas mengenai laporan ada nelayan tidak lagi menerima bantuan daripada Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), beliau berkata, ia adalah antara proses pemutihan dilaksanakan kerajaan.

"Itu memang arahan dan mereka yang tidak dapat bantuan itu sebabnya dia bukan nelayan.

"Kita hanya fokus dan beri tumpuan kepada nelayan tulen sahaja," katanya.



# Nelayan minta kerajaan tangani isu keselamatan

➔ Penduduk trauma turun ke laut berikutan pernah berlaku penculikan

Oleh Poliana Ronnie Sidom  
poliana@mst.com.my

► Sandakan

Nelayan di sini berharap kerajaan terus mencari langkah berkesan bagi menangani isu keselamatan yang membelenggu mereka, berikutan beberapa insiden penculikan sebelum ini.

Mereka mendakwa beberapa penculikan yang turut membabitkan nelayan, termasuk kes terbaharu yang menyebabkan kematian seorang nelayan tempatan selepas diculik di perairan Pegasus Reef, Kinabatangan menyebabkan mereka trauma dan tidak berani turun ke laut, sekali gus menjejaskan pendapatan mereka.

Pengerusi Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Sandakan, Shaiful Bahari Muin, berkata seramai 1,151 nelayan berdaftar di bawah PNK membabitkan



Mohd Shaiful Bahari Muin

nelayan bagi kawasan Sandakan dan Kinabatangan dengan 1,400 bot dan 368 kapal berdaftar.

Selepas insiden terbaharu penculikan itu, katanya, nelayan tidak lagi berani ke perairan yang jauh termasuk Pegasus Reef, biarpun ia lubuk ikan.

#### Nelayan terpaksa had masa

"Bukan saja kerana bimbang dengan keselamatan, aspek lain termasuk perintah berkurung yang menyebabkan nelayan termasuk nelayan tradisional terpaksa menahkakan masa di laut, selain musim tengkujuh atau laut bergelora mengakibatkan hasil laut nelayan berkurangan.

"Kita berharap, selain usaha berterusan meningkatkan aspek keselamatan, kerajaan ada langkah untuk membantu nelayan bagi mengurangkan bebanan ditanggung," katanya ke-



Mohd Nor Abdullah

pada BH di sini.

Shaiful berkata, antara syor dicadangkan persatuan itu ialah meminta kerajaan negeri mengikut langkah dilaksanakan kerajaan Sarawak bagi membantu nelayan dengan menyediakan bantuan elaun sara hidup.

Di Sabah, katanya, nelayan cuma menerima RM200 elaun sara hidup selepas Kerajaan Pusat menurunkan jumlah bantuan itu daripada RM300 kepada RM200, namun nelayan di Sarawak masih menerima RM300 kerana dibantu kerajaan negeri.

"Kalau boleh, biarlah kerajaan negeri mencontohi Sarawak. Nelayan di negeri ini berdepan cabaran lebih besar dalam memenuhi permintaan hasil laut kerana kita sedia maklum dengan pelbagai ancaman susulan perairan kita yang terletak berhampiran sempadan ne-

gara jiran," katanya.

Sementara itu, Mohd Nor Abdullah, 51, berkata dia tidak lagi menerima elaun sara hidup sejak empat bulan lalu, biarpun menjadikan nelayan sejak 25 tahun lalu.

Katanya, ia disebabkan dia menggunakan lesen perikanan isterinya dan menerusi sistem pemutihan dilaksanakan PNK, elaun terbabit tidak layak diberikan kepada wanita kerana tidak turun ke laut.

#### Harap elaun diberikan semula

"Kami harap elaun ini boleh diberikan semula. Turun ke laut sekarang pendapatan tak menentu. Minggu lalu saya guna RM800 sebagai modal ke laut, iaitu beli makanan untuk seminggu bernalam, ais, minyak, namun hasil ikan yang dijual cuma RM600," katanya.

Seorang lagi nelayan yang cuma mahu dikenali sebagai Sabran, 50-an, berkata dia juga tidak menerima elaun sara hidup sejak Februari lalu, namun terpaksa akur dengan keputusan itu.

"Kami cuma harap apabila kewangan kerajaan pulih, elaun ini diberi semula kepada nelayan. Pendapatan nelayan bukan saja terjejas kerana bimbang turun ke laut, jumlah tangkapan semakin berkurangan," katanya.



# Yummy season is coming soon



The wait begins: Unripe durian seen at Durian Rumah Batu Balik Pulau orchard in Sungai Pinang, Balik Pulau, Penang. — ZAINUDIN AHAD/The Star

## Big durian harvest expected in Balik Pulau by end of the month

By **ARNOLD LOH, R. SEKARAN, INTAN AMALINA MOHD ALI and ALLISON LAI**  
newsdesk@thestar.com.my

**BALIK PULAU:** The King of Fruits will reign supreme with a big harvest expected here by the end of this month.

Red Prawn and Black Thorn were among the species favoured by durian lovers, said Bao Sheng Durian Orchard owner Chang Teik Seng.

"The trees of these two species are much older, grown in the 1960s," he explained.

The Balik Pulau durian is generally believed to be tastier due to the favourable weather conditions as the trees are planted on the hills and facing the sea.

This prickly fruit is serious business here. In fact, 10 durian farmers in Balik Pulau were picked by the Intellectual Property Corporation of Malaysia (MyIPO) and given the "Durian Balik Pulau" MyIPO certification several years ago.

The MyIPO is an agency under the purview of the Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry.

Durian Rumah Batu Balik Pulau owner Tan Hock Hoe said the durian season should start from the last week of this month.

"The durians are not yet ripe as the flowers only began to bloom around March this year," he said, adding that those sold now were mostly from outside Penang.

In George Town, trader Teoh Nai Teik said they were selling durian from Kuala Kangsar and some from Thailand, while waiting for the Balik Pulau durian season to start.

"Customers will always want to know where the durians are from. Some prefer to wait for Balik Pulau durian," he said.

At the Penang state assembly yesterday, all the Yang Berhormat savoured a durian feast which featured Musang King, Black Thorn, D101, D24, D12 and D15, among others.

"This puasa month will see durian feasts happening," said state Agriculture and Agro-based Industries Committee chairman Dr Afif Bahardin.

"We expect an abundant supply this season."

On the export of Penang durian, Dr Afif said since the fruits were best eaten fresh, travel agencies had been marketing durian eating tours overseas.

Thus, the thorny attraction is expected to lure crowds of durian-loving tourists to Penang soon.

The feast for state legislators, government officers and the press were prepared by the state Agriculture Department.

Assistant agriculture officer Abdul Halim Abdul Aziz said the fruits were gathered from mainland orchards in Machang Bubok and near the southern border of Kedah.

"The Balik Pulau durian is not ripe yet. Give them another week or two," he said.

It has been eight months since the Penang durian hit the streets, unlike last year which saw the longest durian season in recent memory in northern Malaysia.

Durian stalls mushroomed in late February last year. The fruits were sold till May, followed by another round in late June.

The market was so satiated last year that by late July, the price of Musang King plummeted to just RM28 per kilo from about RM60 per kilo.

In Machap, Melaka, Alan Yap, who helps his father manage their four-hectare orchard named Sim Koa Yen, said durian fans would get to enjoy the fruit beginning July.

"The fruit will be ready for harvest sometime in mid or late June. But the first week of harvest is usually not stable in terms of taste and quality. So we normally don't sell them."

"Starting July, most of the species will give a consistent and tasty flesh throughout the season, which is expected to last for two to three months," he said.

Yap, whose family orchard has 30 durian species, said the Jabill and Green 15 types were considered premium fruits after the famed Musang King.

The start of the durian season would see species such as D7, D14 and D3, he said.

"In the mid-season, popular ones such as Musang King and D24, as well as other premium species like Jabill and Green 15, will be more easily available."

"And before the season reaches the end, we will see more of Ang Bak and Hong Ren in the market," he added.

With a stable supply expected, he said durian prices would likely maintain this season.

"Last year, Musang King was sold for RM60 per kg while Jabill and Green 15 were RM45 per kg."

"The harvest will be good as long as there's no excessive rain," he said.

Watch the video  
[thestartv.com](http://thestartv.com)





RABU • 01.05.2019

UTUSAN  
MALAYSIA

# Mega

sains

## Seindah namanya

**V**ARIETI belimbing B10 dan B17 atau dikenali sebagai belimbing madu amat popular di negara Eropah dan Asia kerana bentuk dan rasanya.

Pun begitu, kedua-dua varieti itu sudah terlalu lama dalam pasaran sehingga menyebabkan buah tersebut kurang disukai oleh masyarakat tempatan.

Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) sentiasa melakukan penyelidikan pembaikbaikan bagi mengurangkan ketergantungan hanya kepada satu klon untuk eksport yang sekali gus menghadkan pengembangan

pasaran.

Baru-baru ini, MARDI memperkenalkan klon baharu belimbing hibrid pertama di negara ini bagi memastikan belimbing kembali berdaya saing dalam pasaran termasuk di peringkat antarabangsa.

Belimbing yang berasaskan klon B17 itu diberi nama Bintang Mas bermula dengan aktiviti pengumpulan sumber genetik sejak 1986.

Belimbing ini sedap, tekstur lembut dan manis pastinya akan menjentik keterujaan pengusaha buah-buahan untuk menanam secara besar-besaran.

Bentuk belimbing bagaikan

binatang apabila dipotong melintang mempunyai nilai ekonomi yang tinggi lantaran menjadi kesukaan warga Eropah dan Asia.

Masyarakat Eropah gemar memakan belimbing muda yang dijadikan sebagai penghias makanan atau sebahagian daripada salad kerana mempunyai sumber vitamin C yang baik.

Tanaman yang berkemungkinan berasal dari Sri Lanka atau kepulauan Asia Tenggara terutama Malaysia dan Indonesia ini diminati bukan sahaja kerana bentuknya yang unik, malah warna kuning keemasan menjadikan belimbing Malaysia amat popular.

Malaysia merupakan antara pengeluar dan pengeksport belimbing utama dunia dengan purata eksport bernilai RM28 juta atau jumlah pengeluaran 3,700 tan metrik tan setahun sejak sedekad lalu iaitu antara 2008 hingga 2017.

Nilai eksport agak stabil disebabkan oleh harga pasaran global semakin meningkat walaupun trend pengeluaran dan keluasan bertanam menunjukkan penurunan sebanyak 33 peratus kepada 828 hektar pada tahun 2000

Jumlah tersebut menunjukkan kepentingan dan potensi besar belimbing dalam menjana pendapatan negara.







**BELIMBING** Bintang Mas sedia menjengah pasaran untuk dinikmati pengguna.

Oleh **AQILAH MIOR KAMARULBAID**  
aqilah.mks@gmail.com



**I**nstitut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) sentiasa melakukan pembaikbakaan bagi mengurangkan kebergantungan hanya kepada satu klon untuk eksport yang sekali gus mengehadkan pengembangan pasaran. Baru-baru ini, MARDI membangunkan klon baharu yang dikenali sebagai Bintang Mas berasaskan B17 yang sesuai untuk pasaran eksport dan klon tersebut difalakan di bawah Perlindungan Varieti Tanaman.

Menurut Pegawai Penyelidik, Pusat Penyelidikan Hortikultur (Klon Baharu Belimbing), **Ahmad Hafiz Baharom**, usaha untuk menghasilkan klon baharu belimbing yang lebih baik dari segi rasa, kosmetik dan saiz bermula sejak 1986 melalui koleksi janaplasma dan penilaian induk.

Pada ketika itu, MARDI mengumpulkan sumber genetik dari dalam dan luar negara untuk digunakan dalam

program pembaikbakaan.

"Sebanyak 120 jenis koleksi ditemukan. Peningkatan baka memerlukan sumber genetik yang banyak supaya dapat memilih ciri-ciri terbaik yang boleh dikacuk untuk menambah baik sesuatu klon.

"Proses mengumpul genetik dilakukan sehingga 1990 sebelum memulakan program pembaikbakaan pada 1991. Pada ketika itu empat induk dikenal pasti iaitu B2, B10, B17 dan B11. "Keempat-empat induk tersebut merupakan kacukan berdasarkan kombinasi dua jenis bunga," katanya.

Beliau menyatakan demikian pada majlis pengisytiharan klon baharu belimbing MARDI oleh Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, **Datuk Salahuddin**

**Ayub** di Kluang Johor baru-baru ini. Yang turut hadir Ketua Pengarah MARDI, **Datuk Dr. Mohamad Roff Mohd. Nor**.

Program kacukan dan pemilihan bermula 1991 hingga 1996 dan hanya pada 1997 penilaian terhadap 6,000 titisan hibrid dihasilkan bagi menilai dari segi kekelatan, keseragaman warna, saiz buah dan hasil setanding jika pengkomersialan dilakukan.

Sebanyak 12 titisan hibrid terbaik dan berpotensi dikenal pasti pada 1998 hingga 2005 yang dikenal sebagai Hibrid F1 selepas melakukan Kajian Kestabilan Genotip X Persekitaran (G X E) di tiga kawasan agro iklim berbeza iaitu di Sintok, Kedah; Jeram Pasu, Kelantan dan Kluang di

Johor.

"Hanya pada 2008 hingga 2015 semasa penilaian seterusnya berjaya mengenal pasti satu dari tiga hibrid terbaik. Adalah dianggarkan secara keseluruhan untuk mendapatkan klon terbaik mengambil masa selama 29 tahun," ujarnya.

"Sebelum ini kita memasarkan B10 untuk pasaran eksport dalam indeks kematangan dua iaitu keseluruhan buah berwarna hijau muda. Namun, terdapat kekurangan seperti tidak cukup manis dan tidak berwarna kuning.

"B17 atau dikenali sebagai belimbing madu untuk pasaran tempatan pula semakin kurang diminati ekoran jangka masa

matang yang panjang, rasa kelat dan kosmetik yang tidak cantik kerana terdapat bintik-bintik hitam.

"Kerana itu Bintang Mas ditambah baik dan sesuai untuk pasaran domestik dan eksport ekoran beberapa penambahbaikan dilakukan termasuk dari segi kosmetik, kemanisan, tiada rasa kelat dan fizikal yang lebih baik selepas pengendalian tuai," jelasnya.

Katanya lagi, Malaysia bertuah kerana belimbing yang berasal dan berpusat di Asia Tenggara menjadi rujukan negara luar untuk mendapatkan sumber genetik yang baik.

Tambahnya, tanaman belimbing amat mudah dijaga ekoran tiada serangan yang serius kecuali lalat buah.

"Namun, perkara itu boleh dielakkan dengan membungkus buah antara 28 hingga 30 hari selepas berbunga.

"Selain itu wujudnya nilai ekonomi kerana sebatang pokok mampu bertahan sehingga 15 hingga 20 tahun bergantung kepada penjagaan, malah mengeluarkan hasil antara dua setengah tahun hingga tiga tahun," katanya lagi.

Buah belimbing perlu dibalut selama empat minggu selepas berputik dengan kertas pembalut bersaiz 20x18 sentimeter bagi mengelak daripada serangan lalat buah, supaya berkilat dan tidak mudah cedera.

Dalam pada itu Salahuddin berkata, pengisytiharan

**AHMAD HAFIZ BAHAROM** (kiri) dan **Johari Sarip** menunjukkan belimbing Bintang Mas yang baharu dituai di Ladang Penyelidikan MARDI, Kluang.

## Berharganya belimbing Bintang Mas



**SALAHUDDIN AYUB** (dua dari kanan) dan **Dr. Mohamad Roff Mohd Nor** (dua kiri) menunjukkan Bintang Mas pada majlis pengisytiharan klon baharu belimbing MARDI di Kluang, Johor baru-baru ini. Turut hadir Pegawai Daerah Kluang, **Ismail Abu** (kiri) dan **Ahmad Hafiz Baharom**.



**AHMAD HAFIZ BAHAROM** melihat belimbing klon hibrid yang telah matang. - **UTUSAN /AZLAN HADI ABU BAKAR**



1/5/2019

UTUSAN  
MALAYSIA

MEGA AGRO

25

## INFO

## INFO BINTANG MAS

- Klon hibrid belimbing pertama Malaysia.
- Sangat manis dan tidak kelat.
- Tekstur isi yang rangup dan beraroma.
- Buah matang lebih awal (12 hari) berbanding klon B17.
- Warna buah lebih menarik berbanding klon B10.
- Disyorkan sebagai buah yang berkualiti untuk eksport.
- Terdapat sebanyak 102 koleksi sumber genetik belimbing terbaik di Malaysia.
- Berpotensi membawa pulangan lumayan kepada penanam.
- Hanya mengambil masa antara 12 hingga 17 hari untuk tuaian.
- Saiz sederhana iaitu antara 150 hingga 200 gram yang sesuai untuk dieksport.
- Dicadangkan untuk dimakan segar.

## PERBANDINGAN BERBANDING KLON KOMERSIAL

Ciri/klon	Belimbing Mas	B10	B17
Bentuk buah	Oblong	Ovat	Oblong
Purata berat (g)	170	230	181
Kemantikan (TSS) (*Brix)	11	9	11
Keasidan (*TTA) (%)	0.19	0.16	0.21
TSS/TTA (%)	57.4	57.5	50.5
Vitamin C (mg/100g)	54	65.4	67.6
Asid oksalik (g/100g)	0.09	0.09	0.08
Kekelatan	Tiada	Tiada	Kelat
Tekstur isi	Rangup	Lembut	Rangup
Warna kulit	Kuning kemerahan	Kuning keemasan	Kuning kemerahan
Tempoh matang (hari)	68-73	64-69	80-85
Penyimpanan (suhu 7°C)	6-8 minggu	6-8 minggu	6-8 minggu
Jenis bunga	Pita	Thrum	Thrum
Hasil (MT/ha/tahun)	9.0	10.2	10.1

● TSS = Total soluble solids  
● TTA = Total titratable acidity

klon baharu belimbing yang dihasilkan oleh penyelidik MARDI menjadi sesuatu yang membanggakan kursusnya di Johor.

"Usaha ini akan menggamit perhatian anak tempatan menceburi bidang penanaman belimbing kerana berpotensi menjana pendapatan lumayan," katanya.

Tambah Salahuddin, sementera ini akan memastikan setiap hasil penyelidikan MARDI dikomersialkan.

"Saya rasa kita tidak kalah lari segi kepakaran. Ada hampir 300 saintis di MARDI, jadi, apa curangnya kita berbanding negara Asia lain?"

"Hari ini terdapat banyakk ambakan buah di Thailand. Kepakaran kita sama tinggi, sajat yang diberikan oleh kerajaan juga mencukupi dan

akan cuba untuk mendapatkan lebihan bajet pada tahun hadapan bagi membolehkan MARDI membuat penyelidikan," ujarnya.

Dalam pada itu beliau memberitahu, oleh kerana Malaysia masih ketinggalan dari segi pengkomersialan produk, maka pihaknya akan memastikan sektor pertanian Malaysia setanding, malah lebih baik berbanding negara Asia lain dan mampu bersaing dengan negara maju.

"Saya akan pastikan tiada birokrasi dan akan melakukan perubahan paradigma untuk membuktikan Malaysia memiliki banyakk kepakaran.

"Dalam masa sama kita akan pastikan negara mengamalkan pertanian moden sepenuhnya menjelang 2025," jelasnya.



PLOT tanaman belimbing belimbing Mas di Kluang Johor.

## Didik pengguna, petani minat belimbing

**D**EK kerana mengambil masa yang agak panjang untuk matang antara 80 dan 85 hari menyebabkan tanaman buah belimbing di negara ini kurang diminati oleh golongan petani.

Rasa buah yang kelat menyebabkan pengguna kurang membeli buah belimbing di pasaran. Petani pula jarang memilih untuk menanam buah tersebut sedangkan tanaman itu mempunyai nilai komersial yang tinggi di pasaran luar.

Walaupun beberapa negara seperti di Florida, Amerika Syarikat dan Taiwan turut menanam buah belimbing B10, namun rasanya tidak setanding yang ditanam di Malaysia yang lebih kualiti dari segi rasa dan kosmetik. Buah berbentuk bintang yang unik itu sebenarnya mendapat permintaan yang tinggi terutama di pasaran Eropah, sekali gus membuktikan ia mempunyai nilai komersial.

Malah kandungan vitamin C yang tinggi amat diperlukan dalam tubuh seseorang mendorong permintaan terhadap buah belimbing melonjak.

Cumanya, rakyat di negara ini masih belum diuar-uarkan dengan keistimewaan tersebut sekali gus menyebabkan mereka

kurang mengambil buah tersebut dalam diet harian.

Justeru Pengarah MARDI Johor, Dr. Johari Sarip menggalakkan golongan petani beralih ke tanaman belimbing yang bukan sahaja menguntungkan dari segi ekonomi, malah amat mudah dijaga.

Katanya, pokok belimbing perlu ditanam di kawasan yang terbuka agar menerima cahaya matahari yang penuh.

"Jika berselindung di bawah pokok akan mengurangkan kadar fotosintesis sekali gus

membantutkan penghasilan karbohidrat yang tersimpan di dalam pokok yang secara tidak langsung mengurangkan kadar pembesaran pokok.

"Apabila terdapat cahaya yang mencukupi, pokok akan tumbuh ke arah vertikal," katanya.

Tambah Johari,

belimbing sesuai dengan negara yang beriklim tropika dan menerima taburan hujan yang sederhana sepanjang tahun seperti di Johor selain ditanam di kawasan bersaliran baik.

Pokok belimbing dibentuk dengan sistem tengah terbuka dengan memilih tiga hingga empat dahan utama untuk membentuk kanopi seimbang. Pokok harus dicantas dari semasa ke semasa untuk mempengaruhi pengeluaran bunga dan buah secara serentak. Cantasan dilakukan selepas buah dituai dengan membuang semua tunas air. Terdapat sebanyak 300 pokok belimbing Bintang Mas di kawasan 1.155 hektar di MARDI, Kluang.

■ Bersambung Isnin ini



DR. JOHARI SARIP



BINTANG Mas yang sudah matang.